

**Komponen BN Peringkat Bahagian Diminta Tubuh Jawatankuasa Penerangan
Bernama
17 Januari, 2012**

IPOH, 17 Jan (Bernama) -- Parti komponen Barisan Nasional (BN) peringkat bahagian diminta menubuhkan jawatankuasa penerangan bagi mempertingkatkan aktiviti memberi penjelasan kepada masyarakat berhubung pelbagai isu berbangkit.

Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan berkata program sedemikian mesti berjalan pada kelajuan penuh dengan menggunakan pendekatan secara bersemuka dan juga media.

Program penerangan di setiap bahagian mesti dijalankan secara agresif memandangkan semua orang berasakan pilihan raya umum semakin dekat, katanya kepada pemberita, di sini malam Isnin.

Ahmad yang ditemui selepas merasmikan majlis empat peringkat penerangan BN, berkata kejayaan BN pada pilihan raya umum akan datang bergantung kepada beberapa perkara termasuk barisan kepimpinan yang kuat bekerja, mempunyai rekod baik selain dasar kerajaan yang diterima rakyat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu juga tidak menafikan pembebasan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan meliwat bekas pembantunya turut mempunyai kesan.

Namun katanya, itu bukan penentu sebenar prestasi BN pada pilihan raya akan datang kerana rakyat bijak menilai.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640499>